



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Fail Rujukan:

Pejabat Kesihatan Daerah

.....

No. Telefon:

Kepada:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

.....

Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]

Bahawasanya Tuan/Puan telah dikenalpasti sebagai kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19), sama ada kontak langsung dengan seorang yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 atau berkemungkinan Tuan/Puan telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko jangkitan itu semasa berada di negara yang dilanda wabak COVID-19. Maka, menurut seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh memerintahkan Tuan/Puan untuk menjalani pengawasan dan pemerhatian di mana-mana tempat yang difikirkannya patut sehingga Tuan/Puan boleh dilepaskan dari pengawasan dan pemerhatian tanpa membahayakan orang ramai.

2. Bagi menjalankan kuasa di bawah Seksyen 15(1) Akta 342, saya, pegawai diberikuasa memerintahkan Tuan/Puan untuk berada di bawah pengawasan dan pemerhatian di rumah seperti alamat di atas dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam borang *Home Assessment Tool*; selama hari daripada (*tarikh*) sehingga (*tarikh*).

3. Sepanjang tempoh Tuan/Puan diletakkan di bawah pengawasan dan pemerhatian, Tuan/Puan adalah dikehendaki mematuhi segala perintah yang ditetapkan dan memantau kesihatan diri menggunakan borang *Home Assessment Tool* yang diberi bersama ini. Kegagalan Tuan/Puan untuk mematuhi perintah ini, sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 24 Akta 342.

Pegawai Yang Diberikuasa	
Nama	:
Jawatan	:
Tarikh & Masa	:
Pengesahan Menerima Salinan Perintah oleh Kontak yang Diletakkan di bawah Pengawasan	
Nama	:
No.Kad Pengenalan	:
Tarikh & Masa	:
Tandatangan	:



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

PANDUAN MENGENDALIKAN ISU-ISU BERHUBUNG WABAK BERJANGKIT TERMASUK NOVEL CORONAVIRUS DI TEMPAT KERJA

PENDAHULUAN

Pada awal tahun ini negara kita turut terkesan dengan wabak berjangkit termasuk Novel Coronavirus (2019-nCoV). Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung penularan wabak 2019-nCoV terkini di Malaysia dari semasa ke semasa bermula 23 Januari 2020. Situasi ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan majikan berhubung isu kebajikan pekerja disebabkan Perintah Kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman ("*home surveillance*") selain diarahkan majikan untuk tidak bekerja sebaik pulang dari negara-negara yang terkesan oleh 2019-nCoV seperti China, Thailand, Jepun, Hong Kong dan Singapura.

2. Dalam memelihara kebajikan pekerja dan persekitaran tempat kerja yang selamat, majikan dinasihat untuk melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:
 - i. Mengarahkan pekerja untuk segera mendapatkan pemeriksaan kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan atas biaya majikan, seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 60F Akta Kerja 1955.
 - ii. Membenarkan cuti sakit bergaji atau kelayakan hospitalisasi sepanjang tempoh rawatan di hospital bagi pekerja yang disahkan mempunyai simptom jangkitan wabak. Majikan digalakkan untuk membayar gaji pada kadar biasa semasa tempoh Perintah Kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman

- iii. Membayar gaji penuh kepada pekerja yang diberi Perintah Kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman oleh pengamal perubatan berdaftar sekembalinya dari negara-negara yang terkesan dengan wabak jangkitan,
- iv. Tidak melarang mana-mana pekerja untuk hadir bekerja sekiranya tiada Perintah Kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman dikeluarkan oleh pengamal perubatan berdaftar kepada pekerja; dan
- v. Tidak memaksa pekerja menggunakan kelayakan cuti tahunan mereka atau bercuti tanpa gaji sepanjang Perintah Kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman.

Sebarang pertanyaan mengenai “Panduan Mengendalikan Isu-Isu Berhubung Wabak Berjangkit Termasuk Novel Coronavirus Di Tempat Kerja” boleh hubungi mana-mana Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Disediakan oleh:

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
PUTRAJAYA
7 Februari 2020